



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17/12/2018



ANWAR IBRAHIM

'Cubaan renggangkan hubungan kami'

UM m/s: 8
17/12/2018
KUALA LUMPUR 16

Dis. - Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa terdapat pihak cuba mengganggu hubungan baik beliau dengan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berikutan tindakan beberapa ahli Parlimen UMNO meninggalkan parti tersebut sejak kebelakangan ini.

Presiden PKR itu mendakwa, cubaan tersebut dilakukan oleh pihak tertentu dengan mewujudkan pelbagai tanggapan dan andaian sehingga menimbulkan persepsi tidak baik di antara mereka berdua.

"Pihak-pihak ini berniat untuk menimbulkan syak wasangka serta mengadu domba di antara saya dan Dr. Mahathir dan berniat untuk merenggangkan hubungan yang baik di antara kami," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.